

20/10/2002

Arab Saudi boleh jadi kuasa dunia

Khaidir Majid

RIYADH: Arab Saudi kini dalam kedudukan terbaik untuk muncul sebagai satu kuasa dunia bagi menjamin umat Islam tidak lagi ditindas seperti sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata: "Hasrat mewujudkan kuasa dunia dari kalangan negara Islam bukan bertujuan menakluki dunia, sebaliknya ia hanya untuk memastikan umat Islam dan negara mereka tidak lagi ditindas."

Dr Mahathir berkata, umat Islam kini sangat memerlukan sebuah negara Islam muncul sebagai kuasa dunia. Dalam hal ini, Arab Saudi berada dalam kedudukan terbaik tetapi pilihan perlu dibuat olehnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ada di kalangan umat Islam berpendapat menjadi moden dan maju akan bermakna menjadi unIslamic atau meninggalkan ciri-ciri Islam.

"Permodenan tidak semestinya menjurus kepada tidak percaya terhadap kewujudan Tuhan, seperti yang berlaku di barat. Sebenarnya permodenan dalam konteks Islam boleh membawa kepada perimbangan di antara hidup di dunia dan akhirat," katanya berucap pada Seminar Mengenai Wawasan Masa Depan Bagi Ekonomi Arab Saudi di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun Arab Saudi berkembang sebagai sebuah kuasa industri dan kewangan pada masa depan, tanah suci Islam akan tetap kekal sebagai tanah suci.

"Jika kita pegang kepada suruhan Islam, kita boleh menjadi kuat dari segi ekonomi dan politik, tanpa menjejaskan identiti dan keimanan kita," katanya.

Mengenai strategi yang boleh diambil Arab Saudi untuk muncul sebagai sebuah negara yang menguasai bidang penting dalam pengeluaran industri, kewangan dan teknologi terkini, Dr Mahathir mencadangkan negara itu menggunakan kelebihan sumber minyaknya.

Beliau berkata, seperti Malaysia yang menggunakan kelebihan kos buruhnya untuk membangunkan industri, Arab Saudi boleh menggunakan kos minyaknya yang murah.

Sebagai contoh, beliau berkata, Arab Saudi yang kini banyak mengeksport minyak dalam bentuk mentah, mungkin boleh menjualnya sebagai produk lanjutan, terutama kuasa elektrik.

Arab Saudi mungkin boleh berusaha membangun dan memiliki jana kuasa elektrik di seluruh dunia dan membekalkan loji itu dengan bahan api dalam bentuk minyak yang murah. Jika tidak secara bersendirian sekalipun, Arab Saudi boleh membangunkan jana kuasa itu secara usaha sama dengan negara yang dibekalkan kuasa elektrik itu.

"Tarikan di sini ialah loji jana kuasa itu akan mendapat bekalan minyak pada harga yang sentiasa murah," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir mencadangkan Arab Saudi yang mengeluarkan 10 juta tong minyak sehari (pada harga AS\$20 setong, negara itu meraih AS\$200 juta sehari) turut terbabit dalam perniagaan runcitan minyak seperti yang diceburi Petronas, Shell dan Mobil di pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, harga runcit produk minyak tidak jatuh jika harga minyak mentah jatuh, sekali gus melindungi Arab Saudi daripada ketidaktentuan harga minyak.

Perdana Menteri juga mencadangkan negara itu menceburi industri teknologi maklumat dan komunikasi.

Untuk tujuan itu, katanya, tenaga kerja Arab Saudi perlu mahir dalam bidang Sains dan Matematik.

"Orang Islam tidak boleh mengabaikan Sains dan Matematik jika ia tidak mahu menjadi lemah dan ditindas.

"Pakar bedah Arab Saudi sudah membuktikan kebolehan mereka kepada dunia. Saya yakin Arab Saudi boleh maju dalam bidang teknologi maklumat pada masa depan jika ia merancang melahirkan sumber manusia yang diperlukan," katanya.

Perdana Menteri, bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Riyadh pagi semalam dari Islamabad untuk mengadakan lawatan tiga hari, di samping mengerjakan umrah.

Seminar Mengenai Wawasan Masa Depan Bagi Ekonomi Arab Saudi itu dianjurkan Kementerian Perancangan Arab Saudi mulai hari ini hingga 23 Oktober. Seminar yang turut disertai pegawai tinggi kerajaan Arab Saudi, pakar dan tokoh akademik serta penyelidik ekonomi.